




PETA & SARANAN LALUAN

JEJAK WARISAN SENTOSA

Disokong oleh



Askar-askar bermain badminton di Fort Siloso, tahun 1940-50an. *Insan Sentosa Development Corporation*

SARANAN LALUAN-LALUAN PENDEK

Merangkumi kubu dan bateri artileri, berek British yang terpulihara dan banglo yang mengagumkan, ketiga-tiga laluan tematik ini disusun khas oleh Lembaga Warisan Negara (NHB) untuk mempamerkan sejarah panjang Sentosa sejak ia dikenali sebagai Pulau Blakang Mati pada abad ke-17. Pilih laluan dan terokai tapak dan struktur warisan di Sentosa hari ini!

Kampung dan Berek (2 jam melalui pengangkutan awam, 3km)

Daripada Orang Laut dan peneroka kampung kepada kakitangan Tentera British, pelbagai individu dan masyarakat telah menyebut Pulau Blakang Mati sebagai tempat kediaman mereka. Jejak ini meneroka kehidupan dan mata pencarian penduduk Blakang Mati, serta ruang kehidupan mereka yang merentangi kampung, berek dan banglo mewah.



Mulakan perjalanan anda di pulau dengan penanda jejak **People of the Straits** di kawasan HarbourFront yang terletak di hujung laluan pelantar Sentosa Gateway, yang menghubungkan tanah besar Singapura dengan Sentosa. Selama berabad-abad, selat di kawasan ini telah menjadi sebahagian daripada laluan perdagangan maritim global, membawa pedagang dan kelasi dari seluruh dunia berhubung dengan masyarakat tempatan.



Masyarakat-tempatan ini termasuk para penduduk yang terawal diketahui di kawasan tersebut iaitu Orang Laut, masyarakat yang hidup dalam perahu, yang terdiri daripada suku (kumpulan kaum) yang berbeza dari seluruh Asia Tenggara. Peneroka yang menyusuli mereka di Blakang Mati termasuk pelbagai kumpulan masyarakat dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia, China dan India. Pada awal 1800-an, terdapat kampung-kampung di kaki Mount Serapong dan di bahagian tenggara pulau itu. Menjelang abad ke-20, kebanyakan penduduk kampung tinggal di sepanjang pantai utara di mana Resorts World Sentosa berada hari ini.

Teruskan perjalanan dengan menaiki tren ringan Sentosa Express dari VivoCity dan turun di Imbiah Station. Lintas Beach View Road ke Oasia Resort Sentosa, yang menempatkan bekas tempat rekreasi dan berek. Antara tahun 1878 dan tahun 1967, Blakang Mati dijadikan pos pertahanan Empayar British, dan menempatkan anggota tentera termasuk askar British, India dan Australia di berek dan kuarters yang terletak di sekitar pulau ini. Di sini anda akan menemui penanda jejak yang menerangkan bagaimana askar-askar ini hidup dan bekerja di Blakang Mati.



Naik tangga ke kiri bangunan hotel dan ikut laluan pejalan kaki terlindung untuk meneroka berek di bekas padang kawad di belakang Oasia Resort. Kawasan ini yang sekarang adalah sebahagian daripada Barracks Lawn, pernah digunakan untuk latihan, perarakan dan upacara ketenteraan. Berek di sekelilingnya telah dipulihara dan dibangunkan semula menjadi hotel dan restoran, termasuk The Barracks Hotel dan Mess Hall. Lihat pengikis but yang digunakan oleh askar yang kekal terdapat di hadapan berek, dan ketahui lebih lanjut tentang kehidupan tentera melalui papan maklumat Sentosa Development Corporation (SDC) dalam pekarangan Barracks Lawn.

Keluar dari Barracks Lawn melalui Gunner Lane dan belok kanan di Artillery Avenue. Di



sepanjang jalan ini, anda akan menemui sebuah bangunan yang dahulunya berfungsi sebagai halaman Royal Engineers, dengan papan maklumat yang memperincikan sejarahnya. Royal Engineers atau Jurutera Diraja berpangkalan di Pulau Brani, tetapi kontinjen kecil di Blakang Mati menyokong kerja-kerja kejuruteraan dan pembangunan dengan bengkel, bangsal dan stornya. Bangunan itu kemudiannya digunakan sebagai stesen untuk renjer SDC.



Teruskan berjalan di sepanjang Artillery Avenue sehingga anda sampai di penanda jejak untuk bekas Mes dan kuarters Pegawai, yang kini merupakan sebahagian daripada Hotel Capella. Pembangunan hotel termasuk banglo kolonial yang sebelum ini menempatkan pegawai, termasuk dua bangunan yang kini membentuk fasad besar hotel, serta dua banglo seperti manor yang dikhaskan untuk pegawai kanan. Pada masa lalu, mes pegawai itu mengadakan pesta dan perayaan, dengan sambutan melimpah ke beranda bangunan yang serba luas. Naik bukit untuk melihat lebih dekat bangunan yang dipulihara, dan teroka tempat-tempat makan di sini!



Untuk sampai di perhentian terakhir laluan ini, kembali ke Artillery Avenue dan naiki bas A atau C ke Imbiah Lookout. Pergi melepasi Sentosa Cable Car Station untuk tiba di bekas hospital tentera, yang kini menempatkan Madame Tussauds Singapore. Bangunan ini siap dibina pada tahun 1890-an dan dijadikan hospital tentera untuk tentera British. Semasa Pendudukan Jepun (1942-1945), hospital ini digunakan sebagai berek oleh tentera Jepun. Mulai tahun 1970-an, bangunan ini menempatkan pameran Surrender Chambers dan tarikan lain, termasuk Madame Tussauds Singapore pada tahun 2014.

Kubu-kubu (2 jam berjalan kaki, 4km)

Pulau Blakang Mati telah dikenal pasti sebagai pos pertahanan yang berpotensi sejak sekurang-kurangnya abad ke-17. Walau bagaimanapun, hanya pada lewat tahun 1800-an pulau itu telah dipasang dengan peralatan tentera, dengan bateri artileri, kubu, berek dan infrastruktur lain yang dibina oleh pihak British. Jejak ini meneroka kubu-kubu yang serba luas di Sentosa, termasuk Fort Siloso, Imbiah Battery dan Fort Serapong, dan cara ia digunakan dalam pertahanan Singapura zaman kolonial.



Mulakan perjalanan anda dari Siloso Point Station, yang boleh diakses dengan menaiki bas A dan C, serta kereta kabel. Pergi ke Fort Siloso Skywalk dan naiki menara untuk melihat pemandangan Pelabuhan Keppel dan selat di sekitar Singapura yang menakjubkan. Terletak di antara pelabuhan dan selat, Sentosa berkedudukan baik sebagai pangkalan untuk melindungi perdagangan maritim yang penting kepada Singapura selama berabad-abad. Semasa zaman penjajah, bateri artileri dan kubu yang dipasang oleh pihak British merupakan unsur penting dalam pertahanan Singapura yang lebih luas.

Masuk ke Fort Siloso melalui Skywalk untuk meneroka satu-satunya kubu pantai yang dipulihara di Singapura. Fort Siloso telah dibina mulai 1878 dan penempatan artilerinya melindungi pintu masuk barat ke Pelabuhan Keppel dan selat sekitarnya. Sepanjang beberapa dekad, Fort Siloso turut menggabungkan penempatan senjata antipesawat dan antibiot torpedo bermotor, serta lampu carian dan pos komand.



Infrastruktur luas yang dibina ke dalam Mount Siloso termasuk berek, bilik menembak, lelopak peluru bawah tanah dan terowong. Di sini, anda boleh meneroka Fort Siloso dengan lebih mendalam melalui pelbagai jejak berpandu sendiri oleh Sentosa Development Corporation (SDC) atau bersiar-siar secara santai.



Tinggalkan kubu melalui pintu keluar Guardsroom, yang merupakan pintu masuk asal kubu itu. Di sini, anda akan menemui penanda jejak yang memperincikan pengubuan Pulau Blakang Mati. Pada abad ke-17, pihak berkuasa kolonial yang bersama iaitu Portugal dan Republik Belanda, telah mempertimbangkan untuk membina kubu di sini, tetapi hanya pada tahun 1800-an barulah British membina Fort Siloso, Imbiah Battery, Fort Serapong, Fort Connaught, serta bateri di Berhala Reping dan infrastruktur ketenteraan yang lain.

Teruskan menyusuri Siloso Road untuk sampai ke Siloso Pier, di mana anda akan menemui penanda jejak yang meneroka sejarah jeti ini dan lain-lain di Sentosa. Siloso Pier telah dibina mulai tahun 1878 sebagai perkhidmatan

kepada kubu berdekatan, dan terletak berhampiran hujung barat pulau yang dikenali sebagai Sarang Rimau. Sebelum jalan raya dibina di pulau ini, jeti ini penting untuk pembinaan Fort Siloso.



Turun tangga, dan pergi ke timur untuk kembali ke Siloso Point Station. Akses Mount Imbiah Nature Trail melalui Siloso Road, dan berjalan kaki sambil mendaki ke arah bekas Imbiah Battery, yang terletak di sebelah Mega Adventure Park.

Pada awal abad ke-20, Imbiah Battery menempatkan kubu infantri dan bateri dengan meriam muat belakang 9.2 inci. Bateri tersebut berhenti beroperasi pada tahun 1930-an, selepas peningkatan meriam di Fort Connaught menjadikannya usang. Hari ini, sebuah Battery Command Post, Position Finding Cell dan penempatan meriam tetap ada, dan anda boleh ketahui lebih lanjut tentang Imbiah Battery melalui papan maklumat di sini.



Untuk keluar dari Imbiah Battery, turun ke Imbiah Hill Road sehingga sampai di stesen bas Imbiah Lookout, di mana anda boleh menaiki bas ke bahagian lain pulau Sentosa.

Pilihan: Untuk melihat lebih banyak kawasan warisan pertahanan Sentosa, pergi ke Fort Serapong, yang tidak jauh dari stesen bas Sentosa Cove Village dengan berjalan kaki (boleh diakses dengan menaiki bas B). Puncak Mount Serapong adalah titik tertinggi di pulau ini, dan bukit ini menyediakan sudut yang baik untuk pemandangan bateri artileri. Ketahui lebih lanjut tentang meriam dan sejarah Fort Serapong melalui papan maklumat di sini, tetapi sila jangan menyimpang dari jalan kerana akses orang awam ke kawasan hutan dan beberapa struktur di sini adalah terhad. Jika anda ingin meneroka struktur ini, sila kunjungi go.gov.sg/sentosanature untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Kenang-Kenangan Sentosa (1 jam berjalan kaki, 2.5km)


Sejak tahun 1970-an dan menyusuli perekaan semulanya sebagai destinasi riadah, Sentosa sentiasa menyuntik nafas baru kepada tarikannya supaya sesuai dengan kecenderungan pelawat yang berubah-ubah selama beberapa dekad. Sesetengah bekas tarikan termasuk Musical Fountain dan monorel membantu memperkukuhkan kedudukan Sentosa sebagai tarikan utama pada tahun 1980-an dan 1990-an, dan masih menonjol dengan ketara dalam kenangan sosial warga Singapura. Jejak ini mengunjungi semula beberapa lokasi ini dan kenang-kenangan yang berkaitan dengannya.



Mulakan perjalanan di Siloso Point Station, yang boleh diakses dengan menaiki bas A dan C, serta dengan kereta kabel. Dari stesen itu, turun tangga ke Siloso Beach, salah satu daripada tiga pantai dengan lagun renang yang dibina oleh Sentosa Development Corporation (SDC) pada tahun 1970-an dan 1980-an.



Pergi ke arah Siloso Beach Walk, dan anda akan menemui pintu masuk ke Mount Imbiah Nature Trail di sebelah kiri anda. Di sini anda akan menemui sebahagian bekas landasan Sentosa Monorel, serta penanda jejak yang memperincikan sejarahnya. Perkhidmatan monorel itu beroperasi dari 1982 hingga 2005 dan berfungsi sebagai tarikan dan pengangkutan di pulau ini. Perjalanan selama 30 minit menggilingi pulau memberikan pemandangan indah bagi kepelbagaian pulau ini daripada segi persekitaran dan lokasi, merentasi hutan, pantai dan laut serta tarikan buatan manusia.



Pergi ke jejak tinjau alam dan ikut landasan monorel di atas. Lintas Imbiah Walk dan kemudian belok kanan apabila anda sampai ke persimpangan-T di hadapan sedikit. Keluar dari jejak tinjau alam di Imbiah Lookout dan lintas Imbiah Road, sebelum memasuki laluan terlindung menuju ke Sentosa Cable Car Station.

Dibina pada tahun 1974, Kereta Kabel Singapura ialah sistem lif gondola yang menghubungkan tanah besar Singapura dan Sentosa, dan dengan cepat menjadi popular kerana menawarkan pemandangan panoramik pulau dan laluan air di sekitarnya. Pada awalnya, rangkaian itu terdiri daripada stesen di Mount Faber, HarbourFront dan Carlton Hill (kini Sentosa Station), sebelum menjalani peluasan pada tahun 2015 untuk menyertakan stesen di bekas Merlion Plaza, Mount Imbiah dan Fort Siloso.

Sila ambil perhatian!
Sila ambil perhatian bahawa sesetengah kawasan adalah milik persendirian - dan hanya boleh diakses oleh tetamu dan pelanggan.

Dari Stesen Sentosa, berjalan sedikit ke Madame Tussauds Singapore. Bangunan terpulihara ini adalah bekas hospital tentera untuk tentera British. Selepas pembangunan Sentosa menjadi destinasi riadah, bangunan itu bertukar menjadi tarikan yang menempatkan pameran Surrender Chambers, dan seterusnya, Sentosa Wax Museum (Muzium Lilin Sentosa), yang kemudiannya dinamakan Images of Singapore. Hari ini, ia menempatkan Madame Tussauds Singapore, yang dibuka pada 2014.



Untuk sampai ke perhentian akhir, ikut papan tanda ke Resorts World Sentosa (RWS), yang juga menghala ke Imbiah Station. Turun eskalator dan anda akan menemui penanda jejak untuk tiga tarikan yang digemari ramai yang dahulu terletak di kawasan ini sejak tahun 1980-an: Musical Fountain (Air Pancut Berirama), Ferry Terminal (Terminal Feri) dan Fountain Gardens (Taman Air Pancut). Musical Fountain menarik perhatian orang ramai kerana pertunjukan muzik dan cahaya lasernya, dan juga merupakan tempat konsert popular untuk hiburan rock Melayu Singapura yang berkembang pesat, termasuk konsert yang kerap diadakan oleh Ramli Sarip, Search dan Lovehunters pada 1980--90an.



Disiapkan pada tahun 1987, Ferry Terminal boleh menampung kapal yang membawa lebih ramai pengunjung pada setiap perjalanan, manakala Fountain Gardens adalah laluan dengan pemandangan indah yang direka bentuk dalam gaya taman-taman Eropah abad ke-18.













Ini adalah perhentian akhir jejak warisan, dan untuk mengakhiri penerokaan anda di Sentosa, anda boleh menikmati hidangan makanan di salah satu tempat makan yang banyak tersedia di RWS!





Kamong and Barracks	Forts	Memories of Sentosa
	Extended Trail	

HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES

- 
**BARRACKS AT
FORMER PARADE GROUND**
- 
FORMER MILITARY HOSPITAL
- 
**FORMER OFFICERS' MESS
AND QUARTERS**
- 
**FORMER RECREATION
GROUND AND BARRACKS**
- 
FORT SERAPONG
- 
FORT SILOSO
- 
IMBIAH BATTERY
- 
**MEMORIES OF THE
MUSICAL FOUNTAIN,
FOUNTAIN GARDENS
AND FERRY TERMINAL**
- 
**PEOPLE OF
THE STRAITS**
- 
SENTOSA MONORAIL
- 
SILOSO BEACH
- 
SILOSO PIER
- 
**SINGAPORE
CABLE CAR**
- 
**THE FORTIFICATION OF
PULAU BLAKANG MATI**

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2022 National Heritage Board.
All rights reserved.

